

Konflik Rusia-Ukraine musnahkan sukan



FAKTA SUKAN

KONFLIK peperangan antara Rusia dan Ukraine bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi seluruh dunia, malah sektor sukan juga turut menerima tempasnya.

Polemik antara kedua-dua ne-

gara itu menyebabkan atlet dan pasukan 'merana' selepas beberapa badan induk sukan dan persekutuan antarabangsa bertindak mengecualikan atlet Rusia daripada acara sukan utama.

Ia dilakukan dengan harapan Moscow menghentikan pencerobohan terhadap Ukraine, namun setakat ini tidak memberikan kesan kepada pendirian Presiden Rusia, Vladimir Putin.

Justeru *Fakta Sukan Kosmo!* kali ini menyenaraikan beberapa fakta menarik mengenai kesan peperangan antara Rusia dan Ukraine terhadap sektor Sukan.



Wimbledon sekat atlet Rusia, Belarus

PENGANJUR Kejuaraan Wimbledon bertindak agresif apabila mengharamkan penyertaan atlet kelahiran Rusia dan Belarus. Menurut Persatuan Tenis Seluruh England (AELTC), keputusan itu terpaksa dibuat tanpa sebarang kompromi sekali gus serius untuk memastikan tiada pengaruh Rusia boleh disebarkan pada kejohanan sekali gus menyaksikan pemain No. 1 dunia, Daniil Medvedev tidak menyertainya pada edisi kali ini.



FIFA, UEFA singkirkan Rusia

PADA 28 Februari lalu, FIFA dan UEFA memutuskan untuk menggantung pasukan Rusia, sama ada pasukan kebangsaan atau kelab daripada menyertai pertandingan anjuran FIFA dan UEFA. Ini bermakna Rusia tidak dibenarkan menyertai saingan Piala Dunia 2022 di Qatar nanti dan digantung daripada semua pertandingan antarabangsa sehingga diberitahu kelak.



Pelumba Rusia ditendang keluar dari F1

PELUMBA Formula Satu (F1) Rusia, Nikita Mazepin ditendang keluar dari perlumbaan F1 apabila pasukan Haas menamatkan kontraknya serta-merta tanpa sebarang perbincangan berikutan tindakan Moscow menyerang Ukraine. Selain itu, pasukan Haas turut menamatkan kerjasama bersama penaja dari Rusia, Uralkali selepas dikatakan mempunyai kaitan dengan Putin.



Pelumba Formula 3 dilarang masuk ke Grand Prix British

PEMANDU berusia 20 tahun dari Rusia, Aleksandr Smolyar dilarang masuk ke Britain dan tidak dapat beraksi pada perlumbaan di Silverstone (3 Julai) sekali gus menyebabkan kemarahan Rusia.

Pentadbir Sukan Rusia, Dmitry Svishechv menelar keputusan itu dan menggesa Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) campur tangan kerana menuduh penganjur mengamalkan diskriminasi kewarganegaraan.

Pengharaman pada Paralimpik Beijing

GARA-GARA pergolakan peperangan Rusia dan Ukraine, Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) tidak membenarkan penglibatan atlet Rusia mahupun Belarus bertanding dalam acara Sukan Paralimpik Musim Sejuk di Beijing. Meskipun 71 atlet Rusia telahpun berada di Beijing, namun ke semua mereka dihantar pulang serta-merta.



Manchester United batal perjanjian bersama Aeroflot

PASUKAN gergasi Liga Perdana Inggeris (EPL), Manchester United dilaporkan berdepan kerugian £40 juta (RM321.07 juta) selepas memutuskan hubungan dengan syarikat penerbangan rasmi mereka iaitu dari Rusia, Aeroflot. Kelab itu sudah menanggalkan semua papan iklan melibatkan Aeroflot di Old Trafford.



Schalke 04 tolak Gazprom

KELAB bola sepak berpangkalan di Jerman, Schalke 04 membuat keputusan untuk membuang logo syarikat tenaga milik negara Rusia, Gazprom yang tertera di bahagian hadapan jersinya ekoran konflik Rusia-Ukraine. Keputusan kelab yang beraksi dalam kancah Bundesliga ini dimaklumkan menerusi pelbagai platform media sosialnya sejurus pengumuman 'operasi tentera' oleh Putin di Ukraine.

F1 batal Grand Prix (GP) Rusia

FORMULA SATU (F1) membuat keputusan mengejut apabila bertindak membatalkan Grand Prix (GP) Rusia kerana pencerobohan Moscow ke atas Ukraine. Perlumbaan itu yang sepatutnya berlangsung 25 September depan di Sochi dibatalkan oleh F1 pada Februari lalu. Ia sepatutnya menjadi perlumbaan terakhir di litar tersebut sebelum beralih ke Saint Petersburg.

